



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

PENAMBAHBAIKAN APLIKASI MYSEJAHTERA 2.0 SEBAGAI PLATFORM KESIHATAN AWAM

Aplikasi MySejahtera, yang pada mulanya diperkenalkan untuk membantu usaha mengekang penularan COVID-19 pada tahun 2020, kini telah ditambah baik untuk menjadi platform kesihatan awam Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sebagai permulaan, dua ciri baru telah diperkenalkan di MySejahtera, iaitu ciri untuk paparan rekod saringan kesihatan dan ciri untuk paparan rekod imunisasi di MySejahtera bermula dengan bayi yang dilahirkan selepas 1 Julai 2022.

Usaha memaparkan rekod kesihatan dan imunisasi di MySejahtera adalah sebahagian daripada langkah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memudahkan orang ramai menyimpan rekod kesihatan mereka secara digital. Dengan akses rekod yang lebih mudah, masalah seperti kehilangan buku imunisasi atau tiada simpanan rekod saringan akan dapat diatasi. KKM juga berharap agar MySejahtera akan terus memainkan peranan sebagai satu alat untuk orang ramai menukar gaya hidup kepada yang lebih sihat apabila mereka dapat memantau sendiri tren kesihatan dengan lebih mudah.

Orang ramai dinasihatkan untuk mengemas kini aplikasi MySejahtera bagi mendapatkan dua ciri terbaharu ini. Kedua-dua ciri ini boleh dimuat turun ke aplikasi MySejahtera seawal hari ini, bergantung kepada gudang aplikasi telefon bimbit masing-masing.

Rekod Imunisasi

1. Fungsi ini hanya dapat dilihat di MySejahtera setelah bayi yang baru dilahirkan diberikan suntikan imunisasi Bacillus Calmette-Guerin (BCG) di fasiliti kesihatan yang terlibat di dalam Program Imunisasi Kebangsaan. Buat masa ini, hanya rekod imunisasi bagi bayi yang dilahirkan selepas 1 Julai 2022 akan dipaparkan di MySejahtera.
2. Suntikan imunisasi yang akan terpapar di MySejahtera adalah seperti Tetanus, Hepatitis B, Haemophilus Influenza, Diphteria (D), Tetanus (T) dan Acellular Pertussia (AP) (DTAP), Measles, Mumps dan Rubella (MMR), Japanese Encephalitis (JE) dan COVID-19 akan dipaparkan di MySejahtera.
3. Buat waktu ini, orang ramai masih boleh memilih untuk menggunakan MySejahtera untuk menyimpan rekod vaksinasi anak mereka serta menggunakan buku rekod imunisasi.

Rekod saringan kesihatan

Bagi rekod saringan kesihatan, MySejahtera ingin memaklumkan bahawa buat waktu ini:

1. MySejahtera akan memaparkan maklumat kesihatan pengguna MySejahtera yang menjalankan saringan di bawah Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan di Klinik Kesihatan Kerajaan.
2. Rekod ini boleh diakses melalui modul “Rekod Kesihatan” di laman utama MySejahtera. Di bawah modul ini, selain daripada maklumat mengenai ketinggian, berat badan, BMI dan jenis darah, akan ada tiga lagi ciri yang boleh dilihat, iaitu:
 - a. Laporan Kesihatan – iaitu keputusan saringan kesihatan yang dibuat di fasiliti kesihatan.
 - b. Laporan Keputusan Ujian Makmal – iaitu keputusan yang dikeluarkan oleh makmal hasil daripada ujian tertentu seperti ujian darah.
 - c. Vaksinasi – iaitu rekod vaksinasi yang telah diambil yang bukan sebahagian daripada saringan kesihatan.
3. Bagi mereka yang menjalankan saringan kesihatan yang dikelolakan oleh agensi-agensi seperti ProtectHealth Corporation Sdn.Bhd. (PHCorp) melalui program PeKa B40, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melalui Health Screening Program (HSP), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan lain-lain lagi, maklumat saringan kesihatan anda hanya akan dipaparkan dalam MySejahtera dalam masa terdekat ini.
4. Antara maklumat saringan kesihatan asas yang dipaparkan di MySejahtera adalah berat badan, Indeks Jisim Tubuh (BMI), kumpulan darah, kolesterol dalam darah, gula dalam darah, tekanan darah dan ringkasan dari hasil pemeriksaan bersama doktor termasuk keputusan ujian makmal. Maklumat saringan yang lain boleh dimuat naik ke dalam MySejahtera, tetapi ini adalah bergantung kepada jenis saringan yang anda lakukan.

Rekod Saringan Kesihatan dan Imunisasi Bagi Fasiliti Kesihatan Swasta

1. Bagi mereka yang menjalankan saringan kesihatan sendiri dan bukan di bawah Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan atau pun yang telah mendapatkan suntikan imunisasi di fasiliti kesihatan swasta, rekod saringan kesihatan atau imunisasi anda boleh di muat naik di MySejahtera sekiranya fasiliti kesihatan yang dikunjungi menggunakan sistem MyVAS. MyVAS adalah satu sistem yang digunakan oleh lebih daripada 4,000 fasiliti kesihatan yang sebelum ini turut terlibat dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang kini diguna pakai untuk Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan dan Program Imunisasi Kebangsaan.
2. Namun begitu, terpulang kepada fasiliti kesihatan swasta sama ada mereka ingin memuat naik maklumat anda ke dalam MySejahtera. KKM amat mengalakkan mereka untuk berbuat demikian. Tiada bayaran yang dikenakan oleh KKM untuk maklumat saringan dan imunisasi dimuat naik ke dalam MySejahtera.

Adalah di dalam perancangan KKM agar MySejahtera di dalam tempoh terdekat boleh menawarkan pelbagai lagi perkhidmatan berkaitan dengan kesihatan seperti tren kesihatan,

tempahan janji temu kesihatan, perkhidmatan telekonsultasi, input saringan kesihatan sendiri, ikrar menderma organ, urusan berkenaan preskripsi atau ubat-ubatan dan lain-lain lagi. Sila layari laman web dan media sosial MySejahtera untuk maklumat lanjut dari masa ke masa.

Unit MySejahtera
16 Julai 2022

Nota: Sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit MySejahtera melalui emel mysejahtera@moh.gov.my